## LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## SELASA 21 NOVEMBER 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | FISHERMEN CAUGHT IN NET DESPITE SOARING FISH PRICES, LETTERS, THE SUN -10 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 2. | KELAPA HIBRID BAHARU BERHASIL TINGGI, NASIONAL, BH -17 | INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI) |
| 3.<br>4.<br>5.<br>6. | FARMERS IRKED BY PROJECT DELAY, NATIONA, THE SUN -5<br>PESAWAH KADA SEMPAT TUAI PADI SEBELUM MUSIM HUJAN, NEGERI KELANTAN, SH -25<br>27 PESAWAH TERSEPIT PEMAJU LEWAT SIAPKAN PROJEK INFRA, LOKAL, HM -12<br>KPKM CADANG PERUNTUKAN TAMBAHAN NAIK TARAF INFRA, PENGAIRAN KAWASAN MADA, ASTRO AWANI -ONLINE | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA) |
| 7. | SIMPAN IKAN SEJUK BEKU HADAPI MUSIM TENGKUJUH, NEGARA, KOSMO -14 | LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM) |
| 8. | GUNA BERAS TANAM SENDIRI, DALAM NEGERI, UM -35 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Fishermen caught in net despite soaring fish prices | | |
| MediaTitle | The Sun | | |
| Date | 21 Nov 2023 | Color | Full Color |
| Section | Letters | Circulation | 297,582 |
| Page No | 10 | Readership | 892,746 |
| Language | English | ArticleSize | 571 cm² |
| Journalist | Lim Teck Ghee | AdValue | RM 14,654 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 43,962 |



# Fishermen caught in net despite soaring fish prices




ONE of the most underrated and underappreciated sector in Malaysia is probably the fishing industry and its workers, especially those who venture out to sea to land the food that most Malaysians love but take for granted as if it were just another item in the food industry.

The fishing industry usually captures public attention when people indulge in fish and other seafood dishes. Their main concern when they buy and eat seafood revolves around the quality and pricing of prawns, fish and other marine products that go into their meals.

Little or no thought is given by the urban-centric population to the fishermen community, who make a living at sea and eke out a difficult and dangerous living. These are self-employed families continuing the occupation of their fathers and forefathers.

Traditionally, the male heads of these households were bound to conventional methods and boats when they go out fishing. Times have changed and the mechanisation of boats and modernisation of fishing technology have enabled the fishing community to venture further out to sea and for longer hours.

However, despite these advancements, the current generation of fishermen in Kelantan, Terengganu, Sabah, Sarawak and other states, albeit in small numbers, still rank among the most impoverished households in the nation.

**Poverty in fishing community**

A recent study conducted by academics from Universiti Malaysia Terengganu unveiled that sampled fishermen surveyed in Kuala Marang and Sebarang Takir had average household incomes of US$626 (RM2,923) and US$755 (RM3,526), respectively, within the two areas. These earnings amount to less than half and slightly more than half, respectively, of the national median household income, which stood at US$1,307 in 2016.

While there is lack of conclusive studies, the persistent poverty among this group of food producers, who play a vital role in ensuring our food security and enhancing the dietary habits of Malaysians, has continued uninterrupted since independence.

This poverty and the absence of corrective measures is not due to the neglect of policymakers, nor is it a result from insufficient funding for programmes and initiatives aimed at the fishing community.

Recognition of the poverty status of the fishing community dates back to the pre-NEP (New Economic Policy) period. Government support during this period included subsidies on petrol and diesel to reduce the impact of rising fuel prices, fishermen's subsistence allowance, aid for natural disasters and initiatives aimed at boosting household income and assisting families in the event of accidents.

Additionally, special housing programmes were implemented to ensure that fishermen's residences met reasonable standards.

In the federal budget announced in October 2019, it was stated that the government would continue to provide fishermen with a monthly allowance of RM250 as income support. Furthermore, they would also be granted a diesel subsidy to reduce the expenses of going out to sea.

Although sporadic data has been provided, an overall computation of the actual budgetary support that ultimately helped improve the incomes of fishermen is not readily available. Furthermore, there is no official analysis on how the allocation to the fishing community has influenced the reduction of their poverty status.

**Fisheries budgets**

While substantial amounts have been allocated to fishermen associations, fish complex infrastructure, marketing infrastructure and other areas in the annual budgets, obtaining data on the results of such expenditures is difficult.

Despite the lack of data, it can be assumed that the total amount allocated to the fishing community and the fishing industry likely amounts to several billion ringgit throughout the implementation of the 12th Malaysia Plan to date.

The total budget allocation for fisheries since the NEP may be closer to the hundred billion ringgit range. This estimate is based on the annual budget allocation of the Fisheries Department from 1969 to 2023.

> *"Considering our abundant coastal and marine environment as well as natural resources, compared with most other countries, Malaysia should be among the leading marine and fish production nations in the world rather than depend on imported marine products."*



The fishing community rank among the most impoverished households in the nation. – ***REUTERSPIC***

In 1969, RM15.3 million was provided to the department. By 1990, this annual allocation had grown to RM680 million. Since 2000, the annual budget allocation has increased from RM1.65 billion to RM3.95 billion in 2023. We will see the Fisheries Department budget reach the RM4 billion mark in 2024.

The key question is: Why is the community still among the poorest in the country despite the substantial sum spent on programmes and projects intended to benefit fishermen?

Even more funding has been allocated to the government ministries and agencies tasked with overseeing the country's fisheries development. Yet, the results have been unsatisfactory.

According to official data, the country's fish production from inland, marine and aquaculture sources has consistently fallen short in meeting domestic consumption. Essentially, achieving self-sufficiency in fisheries has been elusive.

The nation's self-sufficiency level in fish production is alarming given the generous budgetary allocations provided to stimulate growth and development over the past six decades. Considering the nation's abundant coastal and marine environment as well as natural resources, it holds a significant comparative advantage compared with most other countries.

We should be among the leading marine and fish production nations in the world rather than depend on imported marine products.

It is disconcerting that we trail behind other nations that lack the financial and natural resources that Malaysia possesses.

*Lim Teck Ghee's Another Take is aimed at demystifying social orthodoxy. Comments: letters@thesundaily.com*

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 21/11/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 17 |

# Kelapa hibrid baharu berhasil tinggi

## Empat varieti mampu tingkat pendapatan petani di Bagan Datuk

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri
bhnews@bh.com.my

**Bagan Datuk:** Kelapa dianggap sebagai tanaman mempunyai nilai ekonomi tinggi kerana setiap bahagiannya ada kegunaan tertentu, menjadi punca rezeki kebanyakan penduduk di sini, berikutan kesesuaian tanahnya.

Sejak beberapa dekad lalu hingga kini, Bagan Datuk terkenal sebagai kawasan penanaman kelapa, malah menjadi antara pengeluar utama bagi pasaran negara.

Komitmen kerajaan menjadikan daerah kecil ini terus meneraju persada industri agro berasaskan tanaman kelapa negara terserlah, apabila dibangunkan varieti kelapa hibrid baharu berhasil tinggi dari semasa ke semasa.

Bermula dengan penghasilan lapan hibrid kelapa berhasil tinggi yang dibangunkan sejak 2005 lagi, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) pada Ogos lalu melancarkan pula empat varieti kelapa hibrid baharu di Bagan Datuk untuk meningkatkan hasil dan pendapatan petani serta pengusaha kelapa di negara ini.

2030 PERAK SEJAHTERA

Empat varieti hibrid terbaharu dinamakan *Mylag*, *Marleca*, *Carena* dan *Careni*, itu mampu menjana hasil tinggi dengan kapasiti pengeluaran melebihi 25,000 biji per hektar setahun serta mempunyai ciri-ciri yang sangat baik, rendah, mudah dipetik dan tahan terhadap penyakit.

### Tiada agensi khusus

Penasihat Persatuan Usahawan Kelapa Malaysia, Ramlee Hussin, 70, berkata tanaman kelapa bagaimanapun tidak dapat dikembangkan dengan baik disebabkan tiada agensi khusus dalam membantunya, selain kawal selia daripada Jabatan Pertanian; sebagaimana wujudnya agensi khas yang mengawal selia aktiviti penanaman, pengeluaran, serta hasil yang dinikmati pengusaha tanaman tembakau, koko, kelapa sawit dan getah.

Ramlee berkata, kesusahan 'mencari' atau mendapatkan varieti kelapa hibrid baharu juga membelenggu pengusaha tanaman itu yang mana ia kebiasaannya dijual dengan harga tinggi hingga boleh mencapai kadar dua kali ganda harga pokok kelapa yang lazim ditanam seperti kelapa pandan dan matag.

"Kadangkala benih kelapa hibrid ini payah hendak dicari dan kalau ada pun harganya mencecah sehingga RM30 sepokok, dan ia di luar kemampuan orang kampung (pengusaha). Malah Jabatan Pertanian juga tidak dapat menyediakan benih hibrid ini.

"Faktor tiada badan atau agensi khas kerajaan yang mengawal selia industri kelapa di negara ini juga menjadi penyebab pengusahanya beralih kepada tanaman lain seperti sawit.

"Jadi, kita sarankan supaya kerajaan mewujudkan satu agensi yang boleh mengawal selia aktiviti penanaman, pengeluaran serta hasil kelapa," katanya kepada *BH*.

Ramlee berkata, justeru kerajaan diharap memberikan subsidi kepada penanam kelapa hibrid berkenaan melalui Jabatan Pertanian yang ketika ini dianggap pihaknya sebagai berperanan aktif membantu pengusaha tanaman kelapa.

Selain berdepan ancaman persaingan dengan kelapa import dari Indonesia yang dijual jauh lebih murah, industri kelapa di Bagan Datuk turut berdepan ancaman kurang minat daripada kalangan generasi muda.



*Kelapa hibrid baharu mempunyai ciri-ciri yang sangat baik, rendah, mudah dipetik dan tahan terhadap penyakit.*

Sebelum ini, Ahli Parlimen Bagan Datuk yang juga Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, dilapor berkata, tiada keperluan bagi cadangan penubuhan Lembaga Kelapa Malaysia untuk menggalakkan penanaman kelapa lebih meluas dan bagi mengurangkan import buah terbabit.

Ahmad Zahid sebaliknya, dilapor mengarahkan kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) agar pemberian permit import atau AP kelapa supaya dihentikan segera bagi menjaga harga dan penghasilan kelapa tempatan.

MARDI diletakkan sebagai antara agensi peneraju bagi *flagship* Lembah Bakul Makanan Malaysia (Sekuriti Makanan) dalam pelan pembangunan negeri Perak Sejahtera 2030 cetusan Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 21/11/2023 | THE SUN | NATIONAL | 5 |


# Farmers irked by project delay

**KUALA KRAI:** About 27 *padi* farmers in Kuala Krai have alleged that a developer entrusted with upgrading irrigation and drainage infrastructure in the Kenor scheme is behind schedule.

State Development Office director Jasri Kasim said the project completion date has been extended to Feb 6.

"We made a series of visits to identify the problems and found that the contractor hasn't planned properly to complete this project on time.

"The project has reached 79% completion. So, we urged for close monitoring at the meeting held yesterday with the Agriculture and Food Security Ministry and state agencies." – Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 21/11/2023 | SINAR HARIAN | NEGERI KELANTAN | 25 |

# Pesawah KADA sempat tuai padi sebelum musim hujan

**KOTA BHARU** - Pesawah Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) masih boleh meneruskan tuaian padi mereka walaupun berisiko mengalami banjir.

Pengerusinya, Muhammad Husin berkata, sudah tidak banyak lokasi yang terbabit dengan tuaian sepanjang tiba musim hujan kerana banyak yang sudah dituai sebelum ini.

Menurutnya, antara kawasan padi berisiko dinaiki air ialah di Pasir Puteh, Pasir Mas dan Tumpat.

"Dalam tinjauan saya sebelum ini, pesawah masih sempat menghabiskan tuaian mereka berikutan hujan baru bermula," katanya selepas merasmikan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang KADA 2022, di sini, pada Isnin.

Dalam pada itu, Muhammad memaklumkan KADA sudah bersiap sedia dengan logistik untuk membantu pesawah menghadapi banjir.

Jelasnya, antara menjadi keutamaan adalah bot dan edaran bakul Rahmah.

"Kita turut memantau kawasan KADA yang berpotensi banjir terutama di Pasir Puteh dan Pasir Mas selain mengemas kini senarai ahli jawatankuasa untuk lawatan ke kediaman mangsa banjir," katanya.

Dalam perkembangan lain, Muhammad berkata, KADA tidak menghadapi sebarang masalah berkaitan benih padi kerana musim penanaman di Kelantan agak lewat dan kini pesawah sedang menuai hasil tanaman.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 21/11/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 12 |

# 27 pesawah tersepit pemaju lewat siapkan projek infra

**Kuala Krai:** Sebanyak 27 pesawah di Kuala Krai berdepan kesukaran hidup apabila tidak dapat mengusahakan tanaman padi dipercayai akibat kelewatan pihak pemaju menyiapkan projek membina serta menaik taraf infrastruktur pengairan dan saliran di Skim Kenor mengikut jadual ditetapkan.

Pesawah di Kampung Kenor, Mohd Fauzi Ab Ghani, 66, berkata kelewatan itu menyebabkan rata-rata pesawah bukan sahaja kehilangan punca pendapatan, malah terpaksa menanggung kerugian.

"Saya usahakan tanaman padi dua kali dalam setahun seluas hampir empat hektar. Sejak projek ini bermula pada Oktober 2020, sudah tiga musim saya tidak dapat tanam padi kerana memberi laluan kepada pihak yang terlibat untuk naik taraf infrastruktur di kawasan ini bagi mempertingkatkan hasil pengeluaran padi.

"Projek ini sepatutnya siap pada awal September tahun ini, tetapi apabila saya lihat masih belum siap sepenuhnya dan melebihi tarikh ditetapkan, saya berasa sungguh kecewa," katanya, semalam.

Mohd Ali, 43, pula berharap kebajikan pesawah di kawasan itu terbela dan projek berkenaan dapat disiapkan segera.

"Tanaman padi ini antara punca rezeki saya untuk menyara keluarga dan hasil padi ini penting untuk rakyat," katanya.

Sementara itu, Pengarah Pejabat Pembangunan Negeri Kelantan (PPNK) Jasri Kasim berkata, projek sedang diteruskan dan dalam pemantauan pihaknya, malah tarikh jangkaan siap dilanjutkan hingga 6 Feb 2024.

"Pihak kami (PPNK) telah membuat beberapa kali siri lawatan termasuk lawatan intervensi untuk mengenal pasti masalah yang berlaku dan kita dapati antara faktornya ialah kegagalan pihak kontraktor merancang dengan baik untuk siapkan projek ini seperti yang ditetapkan.

"Selain itu, pada mesyuarat diadakan semalam bersama pihak Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dengan agensi negeri di bawahnya seperti Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), kita turut menggesa projek ini dipantau lebih rapi kerana kemajuan kerja sebenar telah mencapai 79 peratus setakat ini," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 21/11/2023 | ASTRO AWANI | ONLINE | |

# KPKM cadang peruntukan tambahan naik taraf infra, pengairan kawasan MADA



*Mohamad Sabu (dua dari kanan) berkata, berdasarkan taklimat yang diberikan pihak MADA, kos bagi tujuan itu dijangka melebihi daripada RM3 bilion yang telah diumumkan sebelum ini. - Gambar Bernama*

**ALOR SETAR:** Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan mengusulkan cadangan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk menambah peruntukan bagi projek menaik taraf infrastruktur dan sistem pengairan di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, berdasarkan taklimat yang diberikan pihak MADA, kos bagi tujuan itu dijangka melebihi daripada RM3 bilion yang telah diumumkan sebelum ini.

"Jumlahnya akan lebih terutama hal pengambilan tanah dan berlaku (keperluan untuk) memperbaiki empangan di Pedu (dekat Kuala Nerang), yang itu akan memakan kos agak tinggi...dan mungkin memerlukan pakar asing.

"Atas sebab itu berlaku kenaikan bajet nanti. Kita akan minta (peruntukan) tambahan dan projek ini projek besar untuk faedah sekuriti makanan, saya yakin Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan akan sedia mendengar permintaan kita," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas hadir Majlis Solidariti Palestin: Sejarah dan Geopolitik Palestin, di sini, pada Isnin.

Mengulas lanjut, beliau berkata, projek tersebut penting supaya hasrat untuk melaksanakan penanaman padi lima musim dalam dua tahun di seluruh kawasan MADA direalisasikan bagi tempoh tiga hingga empat tahun akan datang.

Sementara itu, Mohamad berkata, KPKM akan mengkaji sama ada kuota bekalan benih padi sah (BPS) oleh agensi kerajaan dapat dinaikkan daripada kuota semasa iaitu sekitar 30 peratus.

Beliau berkata, pihaknya akan mengadakan perbincangan dengan agensi terlibat dan mengenal pasti kemampuan mereka sebelum membuat sebarang keputusan menaikan kadar kuota itu.

"Kita akan kaji pada tahun depan untuk cuba menaikkan kuota agensi kerajaan dalam menyediakan benih dan kerajaan juga akan buat simpanan stok padi lebih kurang 50,000 tan metrik, kalau apa-apa berlaku kita boleh guna simpanan ini," katanya.

Sebelum ini, Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Mahfuz Omar dilaporkan berkata, ketika ini LPP bersama Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu, Felcra Plantation dan MADA Corp membekalkan kira-kira 15,500 tan metrik BPS daripada 72,000 tan metrik kuota tahunan yang ditetapkan KPKM.

Jumlah selebihnya dibekalkan oleh pihak swasta. - BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 21/11/2023 | KOSMO | NEGARA | 14 |

# Simpan ikan sejuk beku hadapi musim tengkujuh

**BACHOK** – Kedatangan Monsun Timur Laut yang bermula pada pertengahan bulan ini mendorong nelayan menyimpan stok ikan dalam peti sejuk beku bagi memastikan bekalan tersebut mencukupi sepanjang musim tengkujuh.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Bachok, Saripudin Ishak berkata, langkah itu juga bertujuan untuk menstabilkan harga barang basah tersebut sehingga berakhirnya monsun pada Mac tahun depan.

Menurutnya, bekalan ikan rakyat khususnya ikan selayang masih banyak di pasaran ketika ini meskipun nelayan sudah tidak turun ke laut sejak hampir seminggu lalu.

"Ombak besar dan laut bergelora menyebabkan lebih 1,000 nelayan di Bachok tidak dapat ke laut.

"Jadi kami buat perancangan awal bagi memastikan bekalan ikan tidak terputus dengan menyimpan stok sejuk beku," katanya ketika ditemui *Kosmo!* di sini semalam.

Saripudin yang juga Ahli Lembaga Pengarah Persatuan Nelayan Kebangsaan memberitahu, harga ikan selayang masih stabil ketika ini dan ada peraih yang menjualnya RM10 bagi tiga kilogram.

"Kami dan nelayan setempat bukan hanya memasarkan ikan kepada pembeli di daerah ini, malah diedarkan ke seluruh Kelantan untuk dijadikan stok menghadapi musim tengkujuh," ujarnya.

PNK Bachok juga mengambil inisiatif untuk tidak membenarkan nelayan kecil turun ke laut berikutan angin kencang dan laut bergelora yang berbahaya kepada keselamatan mereka.

"Kami hanya bergantung dengan Elaun Sara Hidup Nelayan sebanyak RM300 sebulan sepanjang musim tengkujuh ini," katanya.

Akhbar sebelum ini melaporkan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) memaklumkan sebanyak 90 tan metrik bekalan ikan sejuk beku disimpan dalam bilik sejuk beku LKIM tidak termasuk 1,600 tan metrik simpanan pihak swasta.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 21/11/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 35 |

# Guna beras tanam sendiri

Oleh **SURAIDAH ROSLAN**
utusannews@mediamulia.com.my



JAHIM SINGKUI

KAWASAN tanaman padi sawah di Kampung Tambatuon, Kota Belud.

**KOTA BELUD:** Sekiranya setiap isi rumah mengusahakan tanaman padi sawah sendiri maka, tiada isu kekurangan beras putih tempatan dihadapi oleh kira-kira 1,000 penduduk di Kampung Tambatuon.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Kampung Tambatuon, Kosimin Sulidan berkata, biarpun tanaman padi bukan aktiviti pertanian utama penduduk di sini namun, ia cukup untuk menampung keperluan beras mereka.

Beliau berkata, mereka tidak menyangka tanaman padi untuk sara diri yang diusahakan sejak bertahun-tahun lamanya itu memberi manfaat kepada mereka semasa berlaku isu kekurangan beras putih tempatan.

"Boleh dikatakan setiap isi rumah di sini mempunyai sawah padi sendiri dan ia cukup untuk menampung keperluan beras kami sendiri.

Beras yang ditanam berlainan jenis iaitu beras putih, beras perang dan juga beras hitam.

"Beras yang dihasilkan di sini kebanyakannya beras wangi keladi atau pandan yang berharga antara RM15 hingga RM16 sekilogram. Oleh itu ia tidak dikomersialkan secara besar-besaran kerana harganya yang agak mahal," katanya.

Seorang penduduk, Jahim Singkui,57, berkata, secara keseluruhan, kawasan tanaman padi yang berdaftar dengan Jabatan Pertanian adalah seluas 160 ekar.

Katanya, cabaran bagi menghasilkan beras wangi keladi atau pandan, ia mengambil masa selama enam bulan untuk dituai. Itu menyebabkan mereka hanya menanam sekali dalam tempoh setahun.

"Kami ada cuba untuk menanam dalam tiga bulan sekali namun, ketiadaan sistem pengairan menyukarkan kami untuk membuat penanaman dalam tempoh yang singkat.

"Itu sebabnya kami menanam sekali setahun, lagipun beras wangi mengambil masa enam bulan untuk matang. Jadi, kami akan mula menanam padi pada bulan April atau Mei dan tuai hasil pada hujung November atau awal Disember," katanya.

Pada masa ini, beras wangi yang dikeluarkan dijual kepada kenalan terdekat dan juga individu perseorangan yang telah menjadi pelanggan tetap mereka.

Malah katanya, penduduk di situ juga ada berbincang dengan pensyarah Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi menjalankan kajian kajian agar proses tuaian beras wangi ini boleh dipercepatkan kepada tiga bulan.

Walau bagaimanapun, belum ada perbincangan secara rasmi mengenai usaha berkenaan.